



11 JUN, 2026

Flat Rohingya akan dirobuhkan

Sinar Harian, Malaysia



Tindakan itu diambil selepas pelbagai langkah penguatkuasaan dilaksanakan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR dan AHMAD ISMADI ISMAIL

HULU LANGAT - Sebuah bangunan kediaman bertingkat yang didakwa didiami etnik Rohingya di Kampung Baru Sungai Makau, Mukim Ulu Langat di sini akan dikenakan tindakan perobohan mengikut peruntukan undang-undang.

Pegawai Daerah Hulu Langat, Datuk Mohd Jusni Hashim berkata, tindakan itu akan dilaksanakan susulan pelbagai langkah penguatkuasaan telah diambil agensi berkaitan terhadap struktur berkenaan sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Langat mengambil perhatian terhadap dakwaan tular di media sosial berhubung kewujudan bangunan tersebut.

"Semakan mendapati sebahagian besar struktur itu terletak di atas lot tanah milik individu dengan syarat nyata rumah kediaman, manakala sebahagian kecil lagi berada di atas rizab jalan.

"Turut dikenal pasti beberapa struktur kediaman lain dibina tanpa kebenaran di atas lot berkenaan dan lot bersebelahan yang merupakan rizab sungai serta pernah didiami etnik Rohingya," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Mohd Jusni, PDT Hulu Langat telah beberapa kali mengeluarkan Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah kepada pemilik struktur terbabit mengikut Seksyen 425 Kanun

Tanah Negara.

Katanya, notis itu dikeluarkan pada 2017, 2020, 2021 dan yang terbaru pada 13 Mac lalu.

"Malah, operasi perobohan bersepadu pernah dijalankan pada 2017 dengan kerjasama beberapa agensi termasuk Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," ujarnya.

Menurutnya, MPKJ turut mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis dan tawaran kompaun pada 2016, 2017, 2019 serta 2021 kerana pembinaan bangunan tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa tempatan.

Pada masa sama, katanya, LUAS telah membuka kertas siasatan tahun ini di bawah Enakmen LUAS 1999 bagi membolehkan tindakan pengkompaunan dikenakan terhadap pihak bertanggungjawab.

Mohd Jusni berkata, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor turut menjalankan operasi bersama PDRM pada 28 Februari lalu yang membawa kepada penahanan 42 warga asing kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan imigresen.

Flat lengang

Sementara itu, Tinjauan *Sinar Harian* di flat yang dikaitkan dengan etnik Rohingya itu didapati lengang.

Di sebalik flat tersebut, wujud pula kira-kira 20 rumah lain yang dibina sehingga menghampiri Sungai Makau.

Ketika wartawan mahu beredar dari kawasan itu, didapati dua

Flat Rohingya akan dirobuhkan



Tinjauan Sinar Harian pada Rabu mendapati flat warga asing tular yang dikaitkan dengan etnik Rohingya di Sungai Tekali kini lengang.

"Sewa sebulan RM350 hingga RM400 termasuk bil air dan elektrik. Rumah di situ ada kira-kira 20 pintu," katanya.

Lelaki yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) itu berkata, penempatan tersebut pernah diserbu pihak berkuasa kerana terdapat penghuni yang tidak memiliki dokumen sah.

Tambahnya, selepas operasi itu, pihak berkuasa meminta penghuni mengosongkan kawasan itu kerana sebahagian binaan didakwa didirikan di atas tanah rizab.

"Sekarang saya duduk di kawasan sekitar. Tempat ini pun sudah lengang sejak setahun lalu dan semua sudah tak duduk di sini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi

bekas penghuni rumah berkenaan, Abdullah, 36, berkata, sebelum ini penempatan itu dihuni kira-kira 40 hingga 50 penghuni membabitkan lebih 30 keluarga yang menyewa rumah-rumah dibina di atas tanah tersebut.

Pada Selasa, MPKJ menjelaskan telah mengambil tindakan termasuk mengeluarkan notis terhadap struktur binaan yang dibina tanpa kelulusan di kawasan itu.

Terdahulu, isu itu menjadi tular selepas penyampai radio dan pelakon, Azad Jasmin atau Pak Azad berkongsi video memaparkan kewujudan penempatan etnik Rohingya di Sungai Tekali.

Rakaman tersebut menunjukkan sebuah bangunan kediaman empat tingkat yang dipercayai dibina tanpa kelulusan pihak berkuasa.